

SULIT

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN**

MODUL II

TAFSIR AYAT AHKAM II

OGOS 2017

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 2 halaman bercetak)

Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja

Soalan Pertama

Apabila membahaskan mengenai **hutang**, Surah al-Baqarah ayat 282-283 adalah merupakan contoh dalil yang memaparkan beberapa aspek penting yang wajar difahami.

(1) Terangkan asbab al-Nuzul (sebab turun) ayat di atas.

(5 Markah)

(2) Berdasarkan pemahaman daripada ayat di atas, terdapat beberapa isi penting utama yang perlu difahami. Sebutkan isi penting tersebut berdasarkan kefahaman dan olahan anda. Dan sertakan dalil daripada Al-Quran atau Al-Sunnah yang menyokong jawapan anda.

(15 Markah)

(3) Huraikan kesan negatif terhadap jasmani dan rohani bagi individu yang tidak melangsaikan hutang.

(5 Markah)

[25 Markah]

Soalan Kedua

Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 275-281 menjelaskan tentang aspek **riba** dalam muamalat.

(1) Apakah yang dimaksudkan dengan riba?

(5 Markah)

(2) Berdasarkan ayat di atas sebutkan **empat (4)** peringkat pengharaman riba.

(5 Markah)

Firman Allah yang bermaksud: “...*Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu....*”.

(3) Berdasarkan maksud ayat Al-Quran di atas, mengapakah orang yang mengambil riba dikaitkan dengan syaitan? Dan huraikan kesan terhadap diri, keluarga dan masyarakat apabila terlibat dengan riba.

(15 Markah)

[25 Markah]

:: Selamat Menjawab & Semoga Berjaya ::